

Cuti umum di Melaka sempena status negeri maju
Malaysiakini.com
October 20, 2010

Melaka mendapat cuti umum khas esok sempena perisytiharan negeri itu mencapai status negeri maju 2010.

Perisytiharan status negeri maju itu akan dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menerusi persidangan video dari Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur pada jam 8 malam ini.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata cuti umum itu adalah sebagai penghargaan kepada rakyat Melaka yang bekerja keras dalam usaha mendapatkan status negeri maju yang diiktiraf mengikut spesifikasi Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) yang berpangkalan di Paris.

"Mesyuarat Exco hari ini memutuskan esok adalah cuti umum bagi Melaka sebagai penghargaan dan kerja keras rakyat negeri ini ke arah negeri maju," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran projek pelancongan Monorel Sungai Melaka di Taman Rempah, di Melaka hari ini.

Beliau berkata cuti khas itu juga terpakai kepada sektor swasta.

"Cuti khas ini hanya untuk tahun ini manakala tahun depan pada tarikh yang sama adalah hari bekerja biasa," katanya.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/145915>